



Permodalan Nasional Berhad
13021-6-0



Amanah Saham Nasional Berhad
(4743-0-0)
Anak syarikat milik penuh PNB

LAPORAN INTERIM

BAGI TEMPOH ENAM BULAN BERAKHIR 30 JUN 2011

MENJANA PULANGAN YANG
BERPATUTAN DALAM BENTUK
PENGAGIHAN PENDAPATAN DAN
PULANGAN MODAL KEPADA
PEMEGANG-PEMEGANG UNIT
MELALUI PELABURAN DALAM
PORTFOLIO YANG DIPELBAGAIKAN



ISI KANDUNGAN

NO	TAJUK	MUKA SURAT
I	Maklumat Tabung	3
II	Prestasi Tabung	4
III	Laporan Pengurus	7
IV	Penyata Pengurus	13
V	Penyataan Pemegang Amanah	14
VI	Laporan Juruaudit	15
VII	Penyata Kewangan	
	A. Penyata Pendapatan Komprehensif	17
	B. Penyata Posisi Kewangan	18
	C. Penyata Perubahan Dalam Ekuiti	19
	D. Penyata Aliran Tunai	20
	E. Nota-nota Berkenaan Penyata Kewangan	21
VIII	Maklumat Korporat	48

LAPORAN PENGURUS SEKIM AMANAH SAHAM NASIONAL (ASN)

Para pemegang-pemegang unit ASN yang dihormati,

AmanahRaya Trustees Berhad (ART) selaku Pemegang Amanah dan Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) selaku Pengurus ASN, dengan sukacitanya membentangkan Laporan Interim ASN bagi tempoh enam bulan berakhir 30 Jun 2011.

1. MAKLUMAT TABUNG

a)	Kategori dan Jenis Tabung	Nama Tabung Sekim Amanah Saham Nasional	Kategori Ekuiti	Jenis Tabung Pertumbuhan
b)	Objektif Pelaburan Tabung	Objektif pelaburan ASN adalah untuk menjana pulangan yang berpatutan dalam bentuk pengagihan perndapatan dan pertumbuhan modal kepada pemegang-pemegang unit melalui pelaburan dalam kepelbagaian portfolio.		
c)	Penanda Aras Tabung	ASN menggunakan penanda aras cipta-suai yang menggabungkan Indeks FTSE Bursa Malaysia 100 (FBM 100) dan Kadar Faedah Pasaran Wang Antara Bank 3-Bulan (KLIBOR 3-Bulan) bagi tujuan perbandingan prestasinya, seperti berikut:		
		Kombinasi Penanda Aras Cipta-Suai	(%)	
		FBM 100 ¹	80	
		KLIBOR 3-bulan ²	20	
<i>Nota:</i>				
1. Penanda Aras menggantikan Indeks Komposit Kuala Lumpur (KLCI) yang berkuatkuasa pada 31 Julai 2009.				
2. Kombinasi Penanda Aras Cipta-Suai yang berkuatkuasa pada 31 Mac, 2008.				
d)	Polisi Pengagihan Pendapatan Tabung	ASN akan mengagihkan perolehan daripada pendapatannya, jika ada, tertakluk kepada budi bicara pihak pengurusan dan kelulusan daripada pemegang amanah.		

1. MAKLUMAT TABUNG (SAMB.)

e) Pegangan Unit	Pada 30 Jun 2011, seramai 1,187,604 individu telah menyertai ASN. Pecahan pegangan unit adalah seperti berikut:		
	Pecahan Pegangan Unit	Bilangan Pemegang Unit	Bilangan Unit Dilanggan
	5,000 ke bawah	1,164,714	188,235,038
	5,001 - 10,000	6,744	47,311,998
	10,001 - 50,000	9,969	221,078,724
	50,001 - 500,000	5,969	845,586,408
500,001 ke atas	208	211,056,243	
Jumlah	1,187,604	1,513,268,411	

II. PRESTASI TABUNG

a) Perumpukan Aset

Perumpukan aset bagi ASN adalah seperti berikut:

Komponen Aset Dalam Portfolio	30.06.2011	31.12.2010	31.12.2009	31.12.2008
	(%)	(%)	(%)	(%)
Pelaburan di Pasaran Ekuiti	72.27	69.70	85.65	77.74
Lain-lain Pelaburan di Pasaran Modal				
(i) Sekuriti Berpendapatan Tetap dan Sekuriti Hutang Tidak Disebut Harga	1.06	1.53	2.16	2.44
(ii) Pelaburan Dalam Sekuriti Modal bercantum	4.12	4.36	4.44	6.22
(iii) Lain-lain Pelaburan dan Aset Bersih	22.55	24.41	7.75	13.60
Jumlah	100.00	100.00	100.00	100.00

II. PRESTASI TABUNG (SAMB.)

a) Perumpukan Aset (Samb.)

Perumpukan Aset Mengikut Sektor berdasarkan Nilai Pasaran

Sektor	(RM'000)			
	30.06.2011	31.12.2010	31.12.2009	31.12.2008
<u>Pelaburan disebut harga</u>				
Barangan Pengguna	23,307	49,140	71,780	33,571
Pembinaan	74,359	55,330	51,871	21,806
Barangan Industri	59,387	40,573	46,175	26,809
Hartanah	44,309	26,634	37,634	25,261
Perladangan	84,648	63,910	26,830	31,474
Perkhidmatan/ Perdagangan	395,749	368,880	364,669	256,778
Kewangan	248,743	205,270	321,649	173,870
Infrastruktur	11,000	42,703	60,890	42,600
Teknologi	-	-	13,391	14,643
REITs	21,100	19,143	16,869	7,817
Waran	-	-	366	-
Pelaburan di Pasaran Ekuiti	962,602	871,583	1,012,133	634,629
Lain-Lain Pelaburan di Pasaran Modal				
1. Sekuriti Berpendapatan Tetap dan Sekuriti Hutang Tidak Disebut Harga	14,129	19,163	25,535	19,940
2. Pelaburan Dalam Sekuriti Modal Bercantum	54,935	54,475	52,485	50,765
3. Lain-lain Pelaburan dan Aset Bersih	300,399	305,520	91,605	110,988
JUMLAH	1,332,065	1,250,741	1,181,758	816,322

II. PRESTASI TABUNG (SAMB.)

b) Perbandingan Maklumat Kewangan Bagi Tempoh 3 Tahun

	30 Jun 2011	31 Disember		
		2010	2009	2008
Sebelum Pengagihan Pendapatan				
NAB (RM'000)	-	1,340,618	1,263,279	896,229
NAB seunit (RM)	-	0.8950	0.8058	0.6169
Selepas Pengagihan Pendapatan:				
NAB (RM'000)	1,332,065	1,250,741	1,181,758	816,322
NAB seunit (RM)	0.8799	0.8350	0.7538	0.5619
NAB seunit terendah (RM)	0.8350	0.7409	0.5389	0.5619
NAB seunit tertinggi (RM)	0.8799	0.8977	0.7715	0.9857
Unit Dalam Edaran (000)	1,513,900	1,497,950	1,567,700	1,452,850
Kadar Pengagihan (sen seunit)	-	6.00	5.20	5.50
Tarikh pengagihan pendapatan	-	1 Jan 2011	1 Jan 2010	1 Jan 2009
Nisbah Perbelanjaan				
Pengurusan (%) ¹	0.65	1.22	1.36	1.21
Pusing Ganti Portfolio (kali) ²	0.22	0.35	0.52	0.23
Pulangan:				
- Modal (%) ³	5.38	10.77	34.15	(39.92)
- Pendapatan (%) (Yield) ⁴	0.00	7.19	6.90	9.79
Jumlah Pulangan (%) ⁵	5.38	18.73	43.41	(34.04)

Nota:

1) Nisbah Perbelanjaan Pengurusan (NPP) adalah nisbah di antara jumlah bayaran pengurusan dan perbelanjaan ASN dengan purata NAB ASN untuk tahun kewangan dikira berpandukan asas harian.

2) Pusing Ganti Portfolio (PGP) adalah nisbah purata bagi jumlah kos pembelian dan penjualan pelaburan dalam tahun kewangan dengan purata NAB ASN untuk tahun kewangan dikira berpandukan asas harian.

3) Pulangan Modal : $\left[\left\{ \frac{(NAB \text{ Seunit Akhir Tahun})}{(NAB \text{ Seunit Awal Tahun})} \right\} - 1 \right] \times 100$

4) Pulangan Pendapatan (Yield) : $\left[\frac{\text{Pengagihan Pendapatan Seunit}}{NAB \text{ Seunit Akhir Tahun}} \right] \times 100$

5) Jumlah Pulangan : $\left[\left\{ (1 + \frac{\text{Pulangan Modal}}{100}) \times (1 + \frac{\text{Pengagihan Pendapatan}}{100}) \right\} - 1 \right] \times 100$

II. PRESTASI TABUNG (SAMB.)

c) Purata Pulangan Tahunan

Purata pulangan tahunan bagi ASN adalah seperti berikut:

	Pada 30 Jun, 2011		
	1 tahun	3 tahun	5 tahun
Jumlah Purata Pulangan (%)	19.69	11.56	14.91
Penanda Aras (%)	18.64	9.87	10.66

Nota:

Pengiraan pulangan tahunan (annualized return) adalah seperti berikut:

$$\left[(1 + r_1) (1 + r_2) \dots (1 + r_n) \right]^{1/n} - 1$$

r = pulangan tahunan

n = bilangan tahunan

III. LAPORAN PENGURUS

a) Perbandingan Prestasi Pulangan Tahunan Tabung ASN dengan Penanda Aras

Prestasi pulangan bagi ASN berbanding penanda aras cipta-suai adalah seperti berikut:-

	30 Jun	31 Disember				
	2011	2010	2009	2008	2007	2006
Jumlah Pulangan (%)	5.38	18.73	43.41	-34.04	28.03	35.60
Penanda Aras (%)	4.25	16.80	37.80	-33.58	27.09	18.93

Sila ambil perhatian bahawa Pengurus tidak menjamin pulangan pelaburan.

Pengagihan pendapatan, jika dibayar dan harga unit mungkin turun atau naik. Prestasi tabung masa lalu tidak semestinya mencerminkan prestasi masa hadapan.

b) Analisis Nilai Aset Bersih (NAB) Tabung

Bagi tempoh enam bulan yang pertama, jumlah NAB bagi ASN telah meningkat sebanyak 6.4% kepada RM1.33 bilion berbanding RM1.25 bilion yang dicatat pada 31 Disember 2010. NAB seunit juga telah mencatatkan peningkatan sebanyak 5.38% kepada RM0.8799 daripada RM0.8350.

c) Polisi Pelaburan

Polisi pelaburan ASN ialah untuk melabur di dalam portfolio yang dipelbagaikan terdiri daripada ekuiti yang disenaraikan di Bursa Malaysia, instrumen berpendapatan tetap dan pasaran wang, tabung pelaburan kolektif serta lain-lain instrumen pasaran modal, seperti yang tertakluk di dalam surat ikatan ASN. ASN boleh melabur sehingga 90% dari Nilai Aset Bersih (NAB) tabung dalam ekuiti dan bakinya dalam lain-lain instrumen pasaran modal, atau sebaliknya, mengikut kesesuaian keadaan pasaran.

III. LAPORAN PENGURUS (SAMB.)

c) Polisi Pelaburan (Samb.)

Tabung ASN juga turut melabur di dalam sekuriti berpendapatan tetap yang diberi penarafan sekurang-kurangnya “BBB” oleh RAM Holdings Berhad atau penarafan yang setaraf dengannya yang diberikan oleh agensi penarafan lain di Malaysia.

d) Strategi Pelaburan

Strategi pelaburan ASN bagi tempoh enam bulan pertama berakhir 30 Jun, 2011 telah dilaksanakan dengan perumpukan aset tertumpu kepada pelaburan dalam ekuiti berbanding pelaburan dalam bon atau instrumen berpendapatan tetap. Pengagihan aset dilaksanakan dengan mengambil kira keadaan ekonomi serta pasaran modal tempatan dan global yang semakin positif, di mana pelaburan di dalam ekuiti dijangkakan akan menjana pulangan yang lebih baik dari segi jumlah pulangan dividen dan keuntungan modal sejajar dengan risiko pasaran yang diambil.

Pelaburan ASN di dalam ekuiti ditumpukan kepada sektor-sektor yang berpotensi untuk memberikan pulangan yang lebih baik daripada penanda aras atau diniagakan di bawah harga wajar, serta mempunyai kekuatan asas fundamental yang kukuh berdasarkan prospek ekonomi, prestasi syarikat yang terlibat dan juga tema pelaburan semasa. Antara sektor-sektor yang menjadi tumpuan adalah sektor barangan industri, kewangan dan perladangan. Pihak pengurusan ASN turut memberi penekanan kepada sektor-sektor yang mempunyai prospek pulangan dividen yang tinggi dan konsisten seperti sektor amanah pelaburan hartanah (REIT) dan telekomunikasi.

Pengurus dana turut melabur dalam sekuriti pendapatan tetap untuk mempelbagaikan pelaburan disamping mengurangkan risiko portfolio. Antara faktor-faktor yang diambil kira adalah seperti perolehan, kecairan, tempoh matang dan juga kupon yang berpatutan dengan risiko yang ditanggung oleh Tabung. Pelaburan dalam sekuriti pendapatan tetap mementingkan penarafan kredit tidak kurang daripada taraf ‘A’ yang diberikan oleh RAM Holdings Berhad atau setaraf dengannya yang diberikan agensi penarafan di Malaysia.

Pengurus Tabung sentiasa mengkaji semula strategi pelaburan secara berkala dan mengikut keperluan semasa bagi mengekalkan keupayaan Tabung untuk mengagihkan kadar pengagihan pendapatan yang kompetitif kepada pemegang unit dan mengekalkan modal jangka panjang dengan mengambil kira keadaan ekonomi dan juga persekitaran pelaburan yang sentiasa berubah.

III. LAPORAN PENGURUS (SAMB.)

e) Ulasan Pasaran

Tinjauan Pasaran Modal

Bagi tempoh enam bulan berakhir 30 Jun 2011, penanda aras utama Bursa Malaysia iaitu Financial Times Bursa Malaysia Kuala Lumpur Composite Index (FBM KLCI) telah mencatatkan peningkatan sebanyak 60.16 mata atau 3.96% untuk ditutup pada 1,579.07 mata pada 30 Jun, 2011, berbanding 1,518.91 mata yang dicatatkan pada 30 Disember 2010. Bagi tempoh yang sama, KLCI telah mencatat paras tertinggi 1,579.07 mata pada 30 Jun 2011, manakala paras terendah 1,484.14 mata dicatatkan pada 15 Mac 2011. Secara keseluruhannya, prestasi pasaran saham di sepanjang tempoh tinjauan adalah positif didorong oleh pertumbuhan ekonomi Malaysia yang berterusan, dan disokong oleh peningkatan aktiviti ekonomi dalam negeri yang kukuh, seiring dengan keadaan pasaran global yang bertambah baik.

Ekonomi Malaysia telah mencatatkan pertumbuhan sebanyak 4.6% pada suku pertama 2011. Pertumbuhan ini dipacu oleh permintaan dalam negeri yang teguh, terutamanya dari sektor swasta. Perbelanjaan pengguna juga bertambah kukuh dengan keadaan pasaran pekerja yang bertambah baik, peningkatan pendapatan yang stabil serta kemudahan pinjaman yang berterusan ekoran kadar faedah yang rendah. Sebagai sebuah negara pengekspor komoditi utama dunia seperti minyak mentah dan minyak kelapa sawit mentah, kenaikan harga komoditi tersebut di pasaran global juga telah membantu dalam mencapai pertumbuhan ekonomi yang memberangsangkan ini. Harga pasaran minyak mentah telah meningkat ke paras tertinggi dalam tempoh 6 bulan kepada USD113.9/tong pada 29 April, 2011, sementara harga minyak kelapa sawit mentah juga meningkat ke paras tertinggi RM3,982/tan pada 11 Februari 2011.

Namun begitu, inflasi global akibat kenaikan harga makanan dan komoditi utama seperti minyak mentah telah mendesak negara-negara serantau mengetatkan dasar monetari masing-masing melalui kenaikan kadar faedah serta inisiatif-inisiatif lain. Kadar inflasi di Malaysia telah meningkat dengan ketara kepada 3.2% (y-o-y) pada April 2011 berbanding 1.7% (y-o-y) untuk keseluruhan tahun 2010, manakala di China, kadar inflasi telah meningkat kepada kadar tertinggi untuk jangka 34 bulan kepada 5.5% pada Mei 2011. Sejajar dengan itu, Bank Negara Malaysia (BNM) telah menaikkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) sebanyak 25 mata asas kepada 3.00% pada 5 Mei, 2011 selaras dengan tahap dasar monetari yang akomodatif untuk menyokong pertumbuhan, manakala kadar faedah antara bank untuk semalaman berada di antara 2.63% dan 2.99% sepanjang tempoh tinjauan (Sumber : Bank Negara Malaysia).

Sehubungan dengan keadaan ekonomi negara dan global, prestasi FBM KLCI bermula dengan positif apabila ia mencatatkan peningkatan pada awal tempoh tinjauan untuk mencapai paras 1,574.49 mata pada 17 Januari,

III. LAPORAN PENGURUS (SAMB.)

e) Ulasan Pasaran (Samb.)

Tinjauan Pasaran Modal (Samb.)

2011, didorong oleh prospek pemulihan ekonomi dan pasaran kewangan dunia. Perbandingan faktor ekonomi, di mana negara-negara membangun telah menunjukkan peningkatan yang lebih pesat berbanding negara-negara maju, telah membantu menaikkan sentimen pelabur dan dijadikan asas bagi aliran masuk portfolio pelaburan asing yang besar ke dalam pasaran saham tempatan dan benua Asia, dan seterusnya menyumbang kepada kecairan pasaran yang mencukupi. Namun begitu, prestasi pasaran saham mula merosot pada penghujung Januari 2011, disebabkan oleh faktor-faktor global seperti kenaikan kadar inflasi terutama di negara-negara membangun, ketidakstabilan politik di negara-negara Timur Tengah dan Utara Afrika, masalah hutang yang melanda negara-negara Eropah serta kejadian gempa bumi di Jepun.

Melihatkan prestasi FBM KLCI dalam tempoh tinjauan, kebanyakan sektor utama indeks di dalam pasaran saham telah mencatatkan peningkatan, dipacu oleh sektor barangan industri. Sektor barangan industri mencatatkan kenaikan indeks sebanyak 9.27 mata atau 8.36% untuk ditutup pada paras 120.19 mata. Kaunter utama dalam sektor barangan industri yang juga mendorong kenaikan indeks FBM KLCI adalah Petronas Gas Berhad (2.12%) dan Petronas Chemicals Berhad (1.57%). Sektor kewangan pula mencatatkan kenaikan indeks sebanyak 1,024.12 mata atau 7.39% untuk ditutup pada paras 14,880.44 mata serta terus mempamerkan daya tahan yang tinggi disokong oleh permodalan yang kukuh dan kualiti kredit yang stabil serta keyakinan terhadap pertumbuhan ekonomi Malaysia. Peningkatan indeks sektor kewangan didorong oleh prestasi kaunter-kaunter utama seperti Hong Leong Bank Berhad (45.43%), Malayan Banking Berhad (5.18%), CIMB Group Holdings Berhad (5.06%) dan RHB Capital Berhad (5.05%). Sektor lain yang turut mencatatkan peningkatan yang ketara adalah sektor hartanah (7.75%), didorong oleh aktiviti-aktiviti penggabungan antara syarikat-syarikat hartanah, dan juga permintaan yang tinggi terhadap hartanah terutamanya di Lembah Klang berikutan kadar pinjaman kewangan yang masih rendah.

Prospek Ekonomi dan Pasaran Modal

Secara umumnya, prospek ekonomi dunia dijangka akan terus kukuh pada separuh tahun kedua 2011, dan dijangka akan mencatatkan pertumbuhan sederhana sebanyak 4.5% untuk keseluruhan tahun 2011 berbanding 5.0% pada tahun 2010. Ekonomi negara-negara membangun dijangkakan akan mengalami pertumbuhan yang lebih tinggi pada kadar 6.5%, berbanding dengan pertumbuhan ekonomi negara-negara maju pada kadar 2.5% bagi tahun 2011. Pertumbuhan ekonomi dunia dijangkakan akan diterajui oleh negara-negara membangun seperti China dan India yang diunjurkan akan

III. LAPORAN PENGURUS (SAMB.)

e) Ulasan Pasaran (Samb.)

Prospek Ekonomi dan Pasaran Modal (Samb.)

berkembang sebanyak 9.6% dan 8.2% bagi tahun 2011 (Sumber: Tabung Kewangan Antarabangsa, April 2011).

Ekonomi Malaysia pula diunjurkan akan berkembang pada kadar 5.0-6.0% bagi tahun 2011 (Sumber: Bank Negara Malaysia), disokong oleh permintaan dalam negeri yang kukuh, berpunca terutamanya daripada aktiviti sektor swasta. Pertumbuhan ekonomi ini juga turut didorong oleh sentimen perniagaan yang bertambah baik dalam persekitaran pelaksanaan langkah-langkah fiskal yang berterusan dan dasar monetari yang akomodatif.

Sentimen dan keyakinan pelabur dalam jangka masa panjang dijangka akan meningkat dengan pengumuman beberapa inisiatif baru oleh Kerajaan seperti Rancangan Malaysia ke-10 (RMK-10) dan Program Transformasi Ekonomi (Economic Transformation Programme atau ETP). ETP dijangka akan menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Program ini memberi fokus kepada 12 Bidang Ekonomi Utama Negara (National Key Economic Areas atau NKEA) yang dijangka akan memberikan kesan positif yang besar kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa risiko yang mampu memberi cabaran terhadap pertumbuhan ekonomi dunia, antaranya harga pasaran komoditi yang tinggi, kadar pengangguran yang tinggi di negara maju, kelemahan dalam sektor kewangan global dan masalah pembayaran hutang di beberapa buah negara Eropah seperti Greece dan Portugal. Ketidakstabilan geopolitik di Timur Tengah dan Afrika Utara juga dijangka akan memberikan ketidaktentuan pada pasaran dunia. Keadaan ini dijangka akan memberi tekanan ke atas kadar inflasi dan kadar faedah, dan turut meningkatkan ketidakpastian dalam pasaran antarabangsa.

Di pasaran bon pula, jumlah terbitan sekuriti kerajaan dijangkakan akan bertambah pada tahun 2011 berbanding tahun 2010 (RM58.1 billion). Permintaan terhadap pasaran bon Malaysia akan disokong kukuh oleh pelabur dengan perkembangan positif ekonomi Malaysia.

Walau bagaimanapun, adalah diingatkan bahawa potensi bagi pasaran tempatan untuk terus meningkat dan menguji paras tertinggi dalam tempoh kewangan ASN masih bergantung kepada asas ekonomi tempatan serta perkembangan proses pemulihan ekonomi global.

f) Pengagihan Pendapatan

Bagi tempoh enam bulan berakhir 30 Jun 2011, ASN belum lagi mengisytiharkan pengagihan pendapatan.

III. LAPORAN PENGURUS (SAMB.)

g) Perubahan Yang Ketara Terhadap Kedudukan Tabung Dalam Tempoh Kewangan

Tiada sebarang perubahan yang ketara sepanjang tempoh kewangan enam bulan berakhir 30 Jun 2011.

h) Situasi yang Boleh Menjejaskan Kepentingan Pemegang Unit

ASNB dan ASN tidak mengalami situasi-situasi yang boleh menjejaskan kepentingan pemegang unit.

i) Komisyen Ringan

ASNB dan Pengurus Pelaburan tabung unit amanahnya tidak menerima komisyen ringan daripada broker dan/atau wakil urus niaga berhubung dengan urus niaga yang dikendalikan untuk unit amanah.

SEKIM AMANAH SAHAM NASIONAL PENYATA PENGURUS

Kepada Pemegang-pemegang Unit
SEKIM AMANAH SAHAM NASIONAL

Kami, sebagai Pengarah kepada AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD, iaitu Pengurus kepada SEKIM AMANAH SAHAM NASIONAL (“Unit Amanah”), dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat Pengurus, penyata kewangan bagi Unit Amanah bagi tempoh enam bulan berakhir 30 Jun 2011, berserta dengan nota-nota yang dikepilkan padanya telah disediakan dengan wajar menurut Laporan Kewangan FRS 134 Interim di Malaysia dan Garis Panduan Tabung Unit Amanah Suruhanjaya Sekuriti berkenaan di Malaysia, bagi memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Unit Amanah pada 30 Jun 2011, dan keputusan serta aliran tunai bagi tempoh enam bulan berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani bagi pihak AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD selaku Pengurus kepada SEKIM AMANAH SAHAM NASIONAL, menurut resolusi para Pengarah bertarikh 3 Ogos 2011.

**TUN AHMAD SARJI
BIN ABDUL HAMID**
Pengerusi

**TAN SRI DATO’ SRI HAMAD KAMA PIAH
BIN CHE OTHMAN**
Pengarah

Kuala Lumpur, Malaysia

SEKIM AMANAH SAHAM NASIONAL
PENYATAAN PEMEGANG AMANAH
Bagi Tempoh Kewangan Enam Bulan Berakhir 30 Jun 2011

Kepada Pemegang-Pemegang Unit
SEKIM AMANAH SAHAM NASIONAL

Kami, AMANAHRAYA TRUSTEES BERHAD telah bertindak selaku Pemegang Amanah kepada SEKIM AMANAH SAHAM NASIONAL bagi tempoh kewangan enam bulan berakhir 30 Jun 2011. Pada pendapat kami, AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD, selaku Pengurus telah mengurus SEKIM AMANAH SAHAM NASIONAL selaras dengan had-had kuasa pelaburan yang diberikan kepada Pengurus dan Pemegang Amanah mengikut Suratikatan, lain-lain peruntukan Suratikatan, Garispanduan Tabung Unit Amanah yang diterimapakai, Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 dan undang-undang lain yang berkuatkuasa dengan mengambil kira segala pengecualian yang telah diberikan kepada SEKIM AMANAH SAHAM NASIONAL bagi tempoh kewangan enam bulan berakhir 30 Jun 2011.

Kami juga berpendapat bahawa:

- (a) prosedur dan proses yang digunakan oleh Pengurus untuk menilai dan/atau menentukan harga unit SEKIM AMANAH SAHAM NASIONAL adalah mencukupi dan penilaian/penentuan harga adalah dibuat selaras dengan Suratikatan dan mana-mana kehendak kawalseliaan; dan
- (b) penjadian dan perlucutan unit dilaksanakan adalah selaras dengan Suratikatan, Garispanduan dan lain-lain peruntukan undang-undang berkaitan.

Yang benar,
AMANAHRAYA TRUSTEES BERHAD

ZAINUDIN BIN SUHAIMI
Pengurus Besar

Kuala Lumpur, Malaysia
9 Ogos 2011

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA PEMEGANG-PEMEGANG UNIT SEKIM AMANAH SAHAM NASIONAL (Unit Amanah)

Laporan penyata kewangan

Kami telah mengaudit penyata kewangan Sekim Amanah Saham Nasional, yang mengandungi Penyata Posisi Kewangan pada 30 Jun 2011, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan dalam Nilai Aset Bersih Boleh Agih kepada Pemegang-pemegang Unit dan Penyata Aliran Tunai bagi tempoh enam bulan berakhir pada tarikh tersebut, dan rumusan dasar-dasar perakaunan dan lain-lain nota keterangan yang dibentangkan pada muka surat 17 hingga 40.

Tanggungjawab Pengurus dan Pemegang Amanah terhadap laporan kewangan

Pengurus adalah bertanggungjawab ke atas penyediaan penyata kewangan berdasarkan Laporan Kewangan FRS 134 Interim (Financial Reporting Standards - FRSs) dan Garis Panduan Tabung Unit Amanah Suruhanjaya Sekuriti di Malaysia. Tanggungjawab ini termasuk: penyediaan, pelaksanaan dan mengekalkan kawalan dalaman berkaitan penyediaan, pelaksanaan dan mengekalkan kawalan dalaman berkaitan penyediaan dan persembahan yang saksama penyata kewangan, yang bebas dari kesilapan yang material, samada disebabkan kesilapan atau pecah amanah; memilih dan melaksanakan polisi perakaunan yang bersesuaian; dan membuat anggaran perakaunan yang bersesuaian berdasarkan situasi semasa. Pemegang Amanah adalah bertanggungjawab untuk memastikan Pengurus menyimpan rekod perakaunan dan lain-lain rekod yang diperlukan untuk persembahan penyata kewangan yang saksama.

Tanggungjawab Juruaudit

Tanggungjawab kami ialah untuk menyatakan pendapat mengenai penyata kewangan tersebut, berdasarkan audit kami. Kami telah menjalankan audit menurut Piawaian Pengauditan berkenaan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut memerlukan kami merancang dan melaksanakan audit untuk mendapat kepastian yang munasabah sama ada penyata kewangan ini bebas dari kesilapan yang material.

Audit merangkumi pelaksanaan prosedur-prosedur bagi memperoleh bukti yang menyokong jumlah dan pendedahan di dalam penyata kewangan. Prosedur-prosedur yang dipilih adalah berdasarkan kepada pertimbangan kami, termasuk penilaian keatas risiko kesilapan yang material pada penyata kewangan; sama ada disebabkan oleh pecah amanah atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko terbabit, kami mengambil kira kawalan dalaman yang relevan kepada penyediaan dan persembahan yang saksama Unit Amanah, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat terhadap keberkesanan kawalan dalaman Unit Amanah. Audit juga termasuk menilai prinsip-prinsip perakaunan yang digunakan dan anggaran-anggaran penting yang dibuat oleh Pengurus Unit Amanah, di samping menilai gambaran keseluruhan yang diberikan oleh penyata kewangan.

**LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA
PEMEGANG-PEMEGANG UNIT SEKIM
AMANAH SAHAM NASIONAL (Unit Amanah) (SAMB.)**

Kami percaya bahawa audit kami telah memberikan asas yang munasabah untuk menyatakan pendapat kami.

Pendapat

Pada pendapat kami, penyata kewangan tersebut telah disediakan dengan wajar menurut Laporan Kewangan FRS 134 Interim di Malaysia dan Garis Panduan Tabung Unit Amanah Suruhanjaya Sekuriti di Malaysia bagi memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Unit Amanah pada 30 Jun 2011 dan prestasi kewangannya, penyata perubahan dalam nilai aset bersih boleh agih kepada pemegang-pemegang unit serta aliran tunai bagi tempoh enam bulan berakhir pada tarikh tersebut.

Lain-lain perkara

Laporan ini disediakan hanya kepada pemegang-pemegang unit Unit Amanah, sebagai sebuah badan dan tanpa tujuan lain. Kami tidak mempunyai tanggungjawab kepada pihak-pihak lain terhadap kandungan laporan ini.

Hanafiah Raslan & Mohamad
AF: 0002
Akauntan Bertauliah

Ahmad Zahirudin bin Abdul Rahim
No. 2607/12/12(J)
Akauntan Bertauliah

Kuala Lumpur, Malaysia

SEKIM AMANAH SAHAM NASIONAL
PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF
BAGI TEMPOH KEWANGAN ENAM BULAN BERAKHIR
30 JUN 2011

	Tempoh enam Nota bulan berakhir	Tempoh enam bulan berakhir
	30.06.2011	30.06.2010
	RM	RM
PENDAPATAN		
Faedah dan lain-lain pendapatan	6,586,585	3,868,544
Pendapatan dividen	16,656,659	15,895,783
Keuntungan ternyata daripada jualan pelaburan	47,080,956	35,164,638
	<u>70,324,200</u>	<u>54,928,965</u>
PERBELANJAAN		
Yuran pengurusan	4 6,546,800	6,160,000
Yuran pemegang amanah	5 250,000	250,000
Ganjaran juruaudit	20,000	20,000
Perbelanjaan pentadbiran	1,699,394	1,695,786
	<u>8,516,194</u>	<u>8,125,786</u>
PENDAPATAN BERSIH SEBELUM CUKAI	61,808,006	46,803,179
CUKAI	6 -	-
PENDAPATAN BERSIH SELEPAS CUKAI	<u>61,808,006</u>	<u>46,803,179</u>
Lain-lain pendapatan komprehensif		
Peningkatan bersih dalam rizab penilaian pelaburan	7,720,237	8,592,451
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tempoh semasa	<u>69,528,243</u>	<u>55,395,630</u>
Pendapatan bersih selepas cukai terdiri daripada berikut:		
Ternyata	61,808,006	46,803,179
Tidak ternyata	-	-
	<u>61,808,006</u>	<u>46,803,179</u>

Nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata ini.

SEKIM AMANAH SAHAM NASIONAL
PENYATA POSISI KEWANGAN
PADA 30 JUN 2011

PELABURAN	Nota	30.06.2011	31.12.2010
		RM	RM
Sekuriti berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga	7	14,129,164	19,163,107
Pelaburan dalam sekuriti modal bercantum	8	54,935,000	54,475,000
Skim pelaburan kolektif tidak tersenarai	9	11,242,000	10,950,000
Pelaburan disebut harga	10	962,601,657	871,583,254
Instrumen pasaran kewangan	11	2,964,904	4,946,657
Deposit dengan institusi kewangan	12	266,811,539	357,164,600
Tuntutan cukai	6	21,794,474	19,137,721
Pendapatan belum diterima	13	4,796,703	4,430,809
Jumlah terhutang kepada broker saham		12,234,134	3,205,045
Tunai di bank		3,296	5,000
JUMLAH ASET		<u>1,351,512,871</u>	<u>1,345,061,193</u>
 LIABILITI			
Peruntukan pengagihan		-	89,877,000
Jumlah terhutang kepada broker saham		11,437,207	2,472,297
Pelbagai pemiutang		2,930,893	1,971,389
Jumlah terhutang kepada Pengurus		5,079,530	-
JUMLAH LIABILITI		<u>19,447,630</u>	<u>94,320,686</u>
 EKUITI			
Modal pemegang unit		1,112,460,200	1,100,663,709
Pendapatan belum diagihkan		108,642,419	46,834,413
Rizab pelaburan tidak nyata		110,962,622	103,242,385
JUMLAH EKUITI	14	<u>1,332,065,241</u>	<u>1,250,740,507</u>
 JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI		 <u>1,351,512,871</u>	 <u>1,345,061,193</u>
UNIT DALAM EDARAN		 <u>1,513,900,000</u>	 <u>1,497,950,000</u>
 NILAI ASET BERSIH SEUNIT		 <u>0.8799</u>	 <u>0.8350</u>

Nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata ini.

SEKIM AMANAH SAHAM NASIONAL
PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI
BAGI TEMPOH KEWANGAN ENAM BULAN BERAKHIR
30 JUN 2011

	Sumbangan Pemegang Unit RM	Pendapatan Belum Diagihkan RM	Rizab Pelaburan Tidak Nyata RM	Total NAB RM
Pada Januari 2010	1,159,299,529	38,578,466	(16,119,624)	1,181,758,371
Penjadian unit untuk jualan	1,177,684	-	-	1,177,684
Penjadian unit untuk pengagihan pelaburan (31 Disember 2010)	80,983,250	-	-	80,983,250
Pembatalan unit	(91,542,561)	-	-	(91,542,561)
Pergerakan dalam pengimbangan pengagihan	(864,853)	-	-	(864,853)
Pendapatan bersih pada tempoh semasa	-	46,803,179	8,592,451	55,395,630
Pada 30 Jun 2010	<u>1,149,053,049</u>	<u>85,381,645</u>	<u>(7,527,173)</u>	<u>1,226,907,521</u>
Pada 1 Januari 2011	1,100,663,709	46,834,413	103,242,385	1,250,740,507
Penjadian unit untuk dijual	11,010,798	-	-	11,010,798
Penjadian unit untuk pengagihan pelaburan (31 Disember 2010)	86,401,732	-	-	86,401,732
Pembatalan unit	(85,077,860)	-	-	(85,077,860)
Pergerakan dalam pengimbangan pengagihan	(538,179)	-	-	(538,179)
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tempoh semasa	-	61,808,006	7,720,237	69,528,243
Pada 30 Jun 2011	<u>1,112,460,200</u>	<u>108,642,419</u>	<u>110,962,622</u>	<u>1,332,065,241</u>

Nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata ini.

SEKIM AMANAH SAHAM NASIONAL
PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TEMPOH KEWANGAN ENAM BULAN BERAKHIR
30 JUN 2011

	Tempoh enam bulan berakhir 30.06.2011 RM	Tempoh enam bulan berakhir 30.06.2010 RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI DAN PELABURAN		
Perolehan daripada jualan pelaburan	281,476,713	230,878,725
Pembelian pelaburan	(313,767,651)	(220,792,288)
Faedah diterima	7,223,723	3,798,592
Dividen bersih diterima	15,270,120	12,622,548
Yuran pengurusan dibayar	(6,546,800)	(6,160,000)
Yuran pemegang amanah dibayar	(250,000)	(250,000)
Perbelanjaan pentadbiran dibayar	<u>(759,890)</u>	<u>(917,985)</u>
Tunai bersih (digunakan dalam)/dihasilkan daripada aktiviti operasi dan pelaburan	(17,353,785)	19,179,592
Pemulangan cukai	<u>-</u>	<u>10,189,834</u>
Tunai bersih (digunakan dalam)/dihasilkan daripada aktiviti operasi dan pelaburan	<u>(17,353,785)</u>	<u>29,369,426</u>
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN		
Perolehan daripada penjadian unit	101,415,640	84,937,820
Tunai dibayar untuk pembatalan unit	(84,539,620)	(89,713,070)
Pengagihan kepada pemegang unit	<u>(89,877,000)</u>	<u>(81,520,400)</u>
Tunai bersih (digunakan dalam) aktiviti pembiayaan	<u>(73,000,980)</u>	<u>(86,295,650)</u>
PENGURANGAN BERSIH DALAM TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI		
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI PADA AWAL TEMPOH	(90,354,765)	(56,926,224)
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI PADA AKHIR TEMPOH	<u>357,169,600</u>	<u>180,975,955</u>
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI TERDIRI DARIPADA:		
Tunai di bank	3,296	5,000
Deposit dengan institusi kewangan	266,811,539	124,044,731
	<u>266,814,835</u>	<u>124,049,731</u>

Nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata ini.

SEKIM AMANAH SAHAM NASIONAL
NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN
30 JUN 2011

1. UNIT AMANAH, PENGURUS DAN KEGIATAN-KEGIATAN UTAMA

SEKIM AMANAH SAHAM NASIONAL (berikutnya dirujuk sebagai “Unit Amanah”) ditubuhkan selaras dengan pelaksanaan Suratikatan bertarikh 14 April 1981, di antara Pengurus, Amanah Saham Nasional Berhad (“ASNB”), Pemegang Amanah, AmanahRaya Trustees Berhad dan Pemegang Unit Berdaftar Unit Amanah.

Kegiatan utama Unit Amanah ialah melabur dalam “Pelaburan Dibenarkan” seperti yang didefinisikan di bawah Klausula 1 Suratikatan. “Pelaburan Dibenarkan” termasuk pelaburan jangka pendek dan ekuiti, saham atau debentur syarikat yang disenaraikan di mana-mana bursa saham atau mana-mana syarikat yang disyorkan oleh Pengurus dan dipersetujui oleh Pemegang Amanah. Unit Amanah ini mula beroperasi pada 14 April 1981 dan akan meneruskan operasinya sehingga ditamatkan oleh Pemegang Amanah seperti yang diperuntukkan di bawah Klausula 23 Surat Ikatan.

ASNB adalah sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia dan dimiliki sepenuhnya oleh Permodalan Nasional Berhad (“PNB”). Kegiatan utama ASNB ialah mengurus unit amanah.

PNB ialah sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia. Kegiatan utama Syarikat ialah membeli dan memegang saham untuk meningkatkan hakmilik pegangan modal saham oleh masyarakat Bumiputera di dalam sektor korporat di Malaysia. PNB telah dilantik sebagai Pengurus Pelaburan bagi Unit Amanah pada 30 Jun 2006.

Penyata kewangan ini telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah ASNB untuk diterbitkan menurut resolusi para Pengarah pada 3 Ogos 2011.

2. OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

Pendedahan kepada risiko ekuiti/pelaburan, risiko pasaran, kecairan/pembiayaan dana, kadar faedah dan kredit, timbul dalam perjalanan biasa urusan Unit Amanah. Unit Amanah mempunyai garis panduan dan polisi pelaburan yang diluluskan berserta kawalan dalaman yang menentukan strategi perniagaan keseluruhan bagi mengurus risiko-risiko ini bagi memaksimumkan pulangan dan mengekalkan modal pemegang unit, selari dengan objektif jangka panjang Unit Amanah.

Risiko Ekuiti/Pelaburan

Risiko ekuiti adalah pendedahan kepada perubahan nilai saham ekuiti atau aliran pendapatan yang datangnya daripada pemilikan ekuiti di dalam sebuah entiti yang diperbadankan.

2. OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMB.)

Risiko Ekuiti/Pelaburan (Samb.)

Risiko pelaburan adalah risiko daripada pelaburan yang tidak dapat menyediakan kadar pulangan yang setara dengan tahap risikonya.

Pengurusan risiko ekuiti/pelaburan termasuk penelitian di dalam penapisan cadangan pelaburan menurut garis panduan dan prosedur pelaburan, komunikasi yang berterusan dan pengawasan yang teliti bagi prestasi syarikat-syarikat yang dilabur.

Risiko Pasaran

Pendedahan kepada risiko pasaran terhasil dari perjalanan biasa perniagaan Unit Amanah akibat ketidakpastian dalam harga pasaran instrumen kewangan yang dilaburkan.

Unit Amanah menguruskan risiko pasaran secara aktif melalui garis panduan dan polisi pelaburan yang disediakan dan juga strategi pengagihan portfolio aset dan pelbagaian. Unit Amanah tidak mengambil bahagian dalam sebarang aktiviti-aktiviti spekulatif.

Risiko Kecairan/Pembiayaan Dana

Risiko kecairan atau pembiayaan dana adalah risiko apabila Unit Amanah tidak mampu untuk memenuhi komitmen kewangan apabila ia perlu dijelaskan.

Unit Amanah menguruskan aliran tunai operasi bagi memastikan kesemua keperluan dananya dipenuhi. Sebahagian daripada kaedah pengurusan dananya, Unit Amanah mengekalkan tahap tunai dan pelaburan yang boleh ditukar kepada tunai yang mencukupi bagi memenuhi keperluan modal kerjanya.

Risiko Kadar Faedah

Risiko kadar faedah adalah risiko nilai instrumen kewangan Unit Amanah yang sensitif terhadap kadar faedah yang berubah-ubah disebabkan oleh perubahan dalam kadar faedah pasaran.

Unit Amanah menguruskan risiko kadar faedah secara aktif dengan mengekalkan portfolio instrumen kewangan berdasarkan garis panduan dan polisi pelaburan, dan semakan yang kerap ke atas kadar faedah dan jangkaan pasaran.

2. OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMB.)

Risiko Kredit

Risiko kredit ialah risiko dimana kegagalan dari pihak yang berurusanniaga untuk menunaikan kewajipan perdagangan yang muncul daripada perantara-perantara seperti broker saham dan institusi-institusi kewangan.

Unit Amanah menguruskan risiko kreditnya dengan penetapan polisi dan garis panduan bagi pelaburan dan had pendedahan pihak lain bagi mengurangkan konsentrasi risiko tersebut. Penilaian kredit dari semasa ke semasa dijalankan ke atas pihak-pihak tersebut.

3. RUMUSAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

(a) Asas Penyediaan

